

Wakaf Tunai dari Perspektif Syariah

DARI sudut ekonomi, Dr. Murat Cizacka dalam bukunya *A History of Philanthropic Foundations* menghuraikan beberapa kesan positif yang terhasil daripada pelaksanaan wakaf.

Antaranya ialah wakaf mampu membantu meminimakan jumlah perbelanjaan tahunan kerajaan. Ia dapat merawat defisit, mengelakkan sesebuah kerajaan terlibat dengan liabiliti hutang yang berpanjangan dan menurunkan kadar keuntungan pembiayaan.

Lebih penting, wakaf mampu merealisasikan objektif pengurusan harta dalam Islam iaitu pembahagian kekayaan secara adil dalam sesebuah masyarakat dan mengelak pemusatan harta dalam kalangan segelintir hartawan.

Sebelum ini, kita sudah mengimbas sedikit sebanyak sejarah kegemilangan wakaf yang dilaksanakan dalam sejarah Islam. Tulisan ini pula akan memberi pengenalan ringkas tentang sebuah instrumen wakaf yang semakin mendapat tempat di peringkat antarabangsa iaitu wakaf tunai. Sebahagian kita mungkin terkejut kerana bolehkah wakaf dilaksanakan secara tunai dan berpendapat hanya harta kekal dalam bentuk hartanah dibenarkan untuk berwakaf.

Persepsi tersebut disokong dengan beberapa hadis tentang Telaga Roma yang diwakafkan oleh Saidina Uthman dan wakaf hartanah di Khaibar yang dilakukan oleh Saidina Umar. Menurut pengamatan penulis, perbincangan wakaf tunai ini sudah dimulakan sejak kurun Tabi'in seperti mana yang diriwayatkan oleh Imam Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (wafat 256 Hijrah) bahawa Imam Az-Zuhri pernah ditanya tentang seorang yang mewakafkan 1,000 dinar sebagai modal perniagaan kepada seseorang agar keuntungannya diberi kepada fakir miskin. Imam Bukhari meriwayatkan athar ini secara taklik (tanpa menyebut sanad yang penuh) dan memberi tajuk babnya sebagai Wakaf binatang tunggangan, kuda-kuda, peralatan dan 'Samit' (emas dan perak).

Berbeza pendapat

Majoriti ulama menggariskan bahawa syarat harta wakaf adalah kekal lama dan tidak rosak atau hilang selepas digunakan. Hanya satu pendapat yang disandarkan kepada Mazhab Maliki tidak meletakkan syarat tersebut, sekali gus membenarkan harta seperti makanan untuk diwakafkan.

Berdasarkan kaedah inilah (sifat kekal sesebuah harta), para fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan apakah harta yang dibenarkan untuk berwakaf. Menurut Imam Abu Hanifah, hanya hartanah dan barangan sokongan hartanah tersebut dibenarkan untuk berwakaf.

Menurut anak murid Imam Hanafi iaitu Qadhi Abu Yusuf selain hartanah, peralatan perang juga dibenarkan untuk berwakaf. Imam Muhammad Ibn Hassan pula, segala harta yang mempunyai sifat kekal yang diiktiraf oleh adat setempat juga dibenarkan. Bagi Mazhab Syafie dan Hambali, mereka tidak mengehadkan kepada hartanah, bahkan segala harta yang tidak mudah rosak seperti buku, kenderaan dan perhiasan boleh diwakafkan.

Kembali kepada wakaf tunai, apakah hukumnya di sisi para fuqaha?

Mereka berbeza pendapat tentang isu berdasarkan sudut pandangan tentang adakah wang boleh dikira sebagai harta kekal. Bagi yang tidak meletakkan sifat kekal kepada sesuatu harta sebagai syarat, wakaf tunai tidak bermasalah. Majoriti fuqaha Syafiiyah dan Hanabilah pula menilai

bahawa wang tunai tidak memenuhi syarat tersebut. Pendokong kuat bagi keharusan wakaf tunai adalah fuqaha dari Mazhab Hanafi di era Khilafah Uthmaniah.

Apabila Mazhab Hanafi yang dipraktikkan secara meluas di bawah pemerintahan Uthmaniah, pendapat Imam Muhammad bin Hassan dikira sebagai fatwa rasmi mazhab Hanafi dalam isu wakaf iaitu membenarkan segala harta yang diiktirafkan oleh adat masyarakat untuk wakaf. Perdebatan besar secara intelek berlaku mengenai isu wakaf tunai hingga beberapa tokoh seperti Imam Birakli (Birgivi) menulis sebuah kitab menyanggah amalan wakaf tunai dan Imam Abu Saud Al-Afendi yang merupakan mufti rasmi pada zaman itu menyokong amalan wakaf tunai dalam karya beliau, Risalah Fi Ijazah Waqf An-Nuqud (Risalah Pengharusan Wakaf Tunai).

Hukum wakaf tunai juga dibincang oleh badan fatwa antarabangsa dan tempatan. Sebagai contoh, Majlis Fatwa Kebangsaan dalam Muzakarah ke-77 pada tahun 2007 ketika membincangkan projek pembangunan tanah wakaf di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan memutuskan bahawa wakaf tunai adalah dibenarkan. Autoriti fatwa peringkat antarabangsa seperti Majma' Fiqh Islami di bawah OIC (Organization of Islamic Corporation) dan badan kewangan Islam AAOIFI (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions) juga membenarkan wakaf tunai dengan syarat-syarat yang digariskan.

Parameter Syariah AAOIFI yang ke-33 menyatakan: "Wakaf tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatan tunai tersebut mestilah dalam tatacara yang tidak menghilangkan atau menyusutkan jumlahnya. Antara penggunaan yang dibenarkan adalah pemberian Qardh (pinjaman) yang patuh syariah dan melaburkan tunai itu dalam instrumen pelaburan yang berisiko rendah."

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1211&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm#ixzz3OZZ0E3qB

Hakcipta terpelihara